

Risiko hutang isi rumah di Malaysia kini lebih 82 peratus daripada KDNK Gubal akta hutang lebih adil

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menegerakan penggabalan Akta Pengguna Kredit bagi melindungi kepentingan pengguna selain menggalakkan pasaran kredit yang sihat, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, akta berkenaan penting untuk memastikan pengguna kredit menerima layanan yang adil semasa berurusan dengan pemberi kredit.

"Tahun ini, secepat mungkin (bentang di Parlimen)," katanya kepada wartawan selepas melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, di sini semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, akta berkenaan sedang digubal melalui kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Bank Negara Malaysia (BNM), Suru-

hanjaya Sekuriti Malaysia (SC) serta agensi lain yang berkaitan.

Sementara itu, beliau berkata, pelancaran strategi literasi kewangan juga dilihat sebagai pelengkap kepada akta berkenaan dalam melindungi pengguna kredit di Malaysia.

"Usaha untuk meningkatkan literasi kewangan ini menjadi amat penting dan merupakan pelengkap kepada inisiatif penggabalan Akta Kredit Pengguna bagi mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna kredit di Malaysia," katanya.

Jelas beliau lagi, meskipun risiko hutang isi rumah yang kini berada pada kadar 82.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar ke atas kestabilan kewangan domestik dan masih terkawal, namun telah wujud tanda-tanda kesukaran dalam kalangan peminjam untuk membayar balik hutang.

Selain itu katanya, dalam persekitaran kewangan yang semakin kompleks dan mencabar ini, ke-



DR. MAHATHIR (dua dari kanan) bersama Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (dua dari kiri), Gabenor Bank Negara, Datuk Nor Shamsiah Mohd. Yunus (kanan) dan Pengerusi SC, Datuk Syed Zaid Albar menunjukkan buku *Malaysia National Strategy for Financial Literacy 2019-2023* pada majlis pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di Kuala Lumpur semalam.

upaya untuk melindungi diri daripada amalan pasaran yang tidak adil atau sebarang bentuk penipuan kewangan memerlukan pengguna lebih mengenal bentuk-bentuk dan modus operandi jenayah kewangan.

"Selaras dengan kema-

jujan penggunaan teknologi dalam penawaran khidmat kewangan, pengguna juga perlu melengkapkan diri dengan amalan-amalan terbaik penggunaan teknologi supaya tidak terdedah kepada ancaman siber yang semakin canggih," katanya.

Beliau berkata, literasi dan kemahiran kewangan dalam kalangan pengguna juga mampu menyumbang kepada mewujudkan industri kewangan yang maju, kukuh dan mesra pengguna.

"Literasi dan kemahiran kewangan merupakan *first*

line defence atau pertahanan barisan pertama bagi pengguna melindungi hak masing-masing ketika berhadapan dengan amalan pasaran yang kurang adil," katanya.

Strategi literasi kewangan berkenaan dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FENetwork) iaitu satu kumpulan yang terdiri daripada beberapa agensi yang diterajui oleh BNM dan SC.

Kumpulan berkenaan turut dianggotai oleh Kementerian Pendidikan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Permodalan Nasional Bhd.

Strategi berkenaan menetapkan keutamaan dan pelan tindakan untuk menyediakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan supaya mampu membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan memupuk sikap yang berhemat dalam pengurusan kewangan. - Bernama

HARI :
TARIKH :
M/SURAT :
RABU
24/7/2019
4